



JABATAN PENDAFTARAN NEGARA MALAYSIA

No. 20 Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62551 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-8000 8000
Faks: 603-8880 8288
Laman Web: www.jpn.gov.my
Emel: pro@jpn.gov.my

SEGERA DENGAN FAKS

Telah difakskan pada: 13 JAN 2017

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3 Klt.35 (92)

Tarikh : 13 Januari 2016

Ketua Pengarang Sinar Harian

Tuan,

MAKLUM BALAS ADUAN AKHBAR SINAR HARIAN BERTAJUK "MASIH TAK DAPAT SEKOLAH" BERTARIKH 11 JANUARI 2017, RABU – M.S: 35 (JOHOR)

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang dibangkitkan oleh Encik Vikneswaran A/L Bhmaya berkaitan tidak dapat meneruskan persekolahan kerana tidak mempunyai kad pengenalan.

3. Untuk makluman, kesemua anak – anak Encik Bhmaya tidak memiliki kad pengenalan disebabkan mempunyai sijil kelahiran berstatus bukan warganegara Malaysia. Hasil semakan mendapati bapanya Encik Bhmaya telah mengemukakan permohonan taraf kewarganegaraan permohonan taraf kewarganegaraan bagi anak – anaknya iaitu Teven, Goyindama, Revadhy dan Vikneswaran di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan pada 10/05/2015, telah selesai diproses oleh Jabatan ini dan telah dimajukan ke Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk pertimbangan dan keputusan. Untuk makluman, keputusan permohonan taraf kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan adalah di bawah bidang kuasa KDN.

4. Ingin dijelaskan juga, penentuan status kewarganegaraan seseorang yang dilahirkan di Malaysia adalah berdasarkan kepada status ibu atau bapa dan juga status perkahwinan ketika dia dilahirkan sebagaimana peruntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan.

RAKYAT DI HATI JPN



5. Sebarang makluman keputusan berkenaan permohonan status kewarganegaraan Malaysia akan dimaklumkan secara bersurat berdasarkan alamat yang dikemukakan semasa permohonan di buat.

Sekian, terima kasih

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah.



(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

📠 : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

- s.k.:
1. YBr. Tuan KPPN
 2. YBhg. Dato' TKPPN (O)
 3. YBr. TKPPN (P)